

# Singapura lapor kes pertama penyebaran

**SINGAPURA** - Singapura mengesahkan kes pertama penyebaran koronavirus di dalam negara bersama enam kes jangkitan baharu, menurut laporan CNA semalam.

Kementerian Kesihatan Singapura memaklumkan empat daripada enam individu terbabit disahkan positif koronavirus walaupun tiada rekod perjalanan ke China.

“Salah seorang daripada mereka ialah pemandu pelancong kumpulan pengunjung dari China. Dua lagi bekerja di kedai yang dikunjungi kumpulan pelancong China terbabit manakala kes

keempat melibatkan pembantu rumah salah seorang individu yang dijangkiti,” jelas kementerian itu dalam satu kenyataan.

Selain itu, dua lagi kes baharu yang diumumkan pihak berkuasa melibatkan rakyat Singapura yang dibawa pulang dari Wuhan, sekali gus menjadikan kes keseluruhan yang direkodkan kini mencecah 24 kes.

Difahamkan, kira-kira 18 kes yang disahkan sebelum ini menunjukkan kesemua pesakit mempunyai rekod perjalanan ke Wuhan yang merupakan pusat epidemik wabak terbabit. - *Agensi*